

08/08/1998

PM akan sampaikan amanat penting

GEORGETOWN, Jumaat - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan amanat penting kepada rakyat Pulau Pinang di Majlis Pemimpin Bersama Rakyat pada 11 Ogos ini di Stadium Tertutup Pusat Sukan Antarabangsa (PISA) di sini.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata Dr Mahathir juga akan menyampaikan maklumat mengenai usaha kerajaan untuk memulihkan ekonomi negara.

"Kerajaan negeri menyediakan 13,000 tempat duduk untuk keselesaan orang ramai mendengar amanat yang disampaikan Perdana Menteri," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya mahu rakyat negeri ini termasuk kakitangan kerajaan, badan berkanun, pertubuhan sosial, politik, belia dan wanita, keluar beramai-ramai bagi menunjukkan sokongan dan semangat perpaduan sempena kedatangan Dr Mahathir.

(END)